

D282

U B222 AAB
MAHATHIR - PEMBELI

KUALA LUMPUR, 12 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI BERKATA, KUALA LUMPUR KINI MENAWARKAN HARGA BARANG-BARANG YANG LEBIH MURAH DARIPADA BANDARAYA DI BEBERAPA NEGARA JIRAN.

BELIAU BERHARAP KEADAAN INI AKAN MENARIK LEBIH RAMAI PEMBELI DARI SINGAPURA UNTUK MEMBELI BELAH DI SINI.

BERUCAP MERASMIKAN PUSAT MEMBELI-BELAH TERBARU DI SINI +THE MALL+, PERDANA MENTERI BERKATA KEADAAN KINI TELAH BERUBAH DI MANA TIDAK RAMAI LAGI RAKYAT MALAYSIA PERGI KE SINGAPURA UNTUK MEMBELI BELAH.

BELIAU BERHARAP FAKTOR HARGA BARANG-BARANG YANG MURAH ITU AKAN MENUKAR ALIRAN PEMBELI DARIPADA MALAYSIA KE SINGAPURA MENJADI SEBALIKNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, MALAYSIA MENAWARKAN BANYAK PUSAT BELI-BELAH YANG INDAH DAN MODEN, SETANDING DENGAN NEGARA-NEGARA MAJU LAIN. -- LAGI

2339MST 12 06 87

D287

U B225 AAB
MAHATHIR - PEMBELI 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENGGESA PEMILIK DAN PENGUNJUNG PUSAT BELI-BELAH SUPAYA MENJAGA KEBERSIHAN DAN KEINDAHAN TEMPAT ITU BAGI MENAMBAH DAYA TARIKANNYA.

BELIAU BERKATA PEMBINAAN PUSAT BELI-BELAH BUKAN SAHAJA MENARIK PELANCONG BAHKAN MEMBERI MANFAAT KEPADA PENIAGA YANG BERTAMBAH.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PEMBINAAN PUSAT-PUSAT BELI-BELAH ADALAH JUGA BAGI MENYESUAIKAN TARAF KUALA LUMPUR SEBAGAI IBU KOTA MALAYSIA.

KATANYA, JUMLAH PENDUDUK LEMBANG KELANG YANG KINI LEBIH DUA JUTA ORANG TERMASUK SEJUTA DI BANDARAYA INI MEMBUAT PERMINTAAN BAGI PERTAMBAHAN PUSAT BELI-BELAH.

SEBELUM ITU, RAJA MUDA SELANGOR DARUL EHSAN YANG JUGA PENERUS METROPLEX HOLDING SDN BHD, SYARIKAT YANG MEMILIKI +THE MALL+, BERTITAH, PERBADANAN KEMAJUAN PELANCONGAN MALAYSIA (TDC) TELAH MENGIKTIRAF +THE MALL+ SEBAGAI SATU TARIKAN PELANCONG. -- LAGI

0006MST 13 06 87

D284

U B224 AAB
MAHATHIR - PEMBELI 3 KUALA LUMPUR

TITAH BAGINDA, PEMBINAAN +THE MALL+ DIHARAP DAPAT MEMBANTU MALAYSIA MEMAJUKAN INDUSTRI PELANCONGAN YANG MEMBERI FAEDAH KEPADA NEGARA DARIPADA SEGI TUKARAN WANG ASING.

BAGINDA BERTITAH SYARIKAT ITU MEMBELANJAKAN \$189 JUTA BAGI MEMBINA +THE MALL+ YANG TURUT MENGANDUNGI +MEDAN HANG TUAH+, GALERI MAKANAN BERUNSURKAN SEJARAH DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA.

ANTARA TETAMU KENAMAAN YANG HADIR PADA MAJLIS ITU TERMASUK ISTERI PERDANA MENTERI, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH DAN BEBERAPA ORANG MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI.

PERASMIAN ITU DIMERIAHKAN OLEH PELBAGAI ATURCARA TERMASUK ACARA KEBUDAYAAN PELBAGAI KAUM DI NEGARA INI. -- BERNAMA

2339MST 12 06 87